


Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan di bahagian ini.

1. (a) Gambar berikut merujuk kepada satu unit ekonomi.



Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi tersebut.

[4 markah]



(b) Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi bagi sebuah negara.

Firma bebas menyelesaikan masalah asas ekonomi
tanpa kawalan kerajaan.

(i) Nyatakan ciri lain sistem ekonomi bagi negara tersebut.

[1 markah]

(ii) Berdasarkan jawapan (b)(i), jelaskan kelebihan sistem ekonomi tersebut.

[5 markah]



(c) Maklumat berikut berkaitan dengan penawaran sesuatu barang.



Terangkan penentu penawaran barang tersebut.

[6 markah]



(d) Jelaskan penentu keanjalan harga permintaan bagi beras.

[4 markah]



2. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pinjaman di bank perdagangan.

Kemudahan mengeluarkan wang lebih daripada baki simpanan berdasarkan had yang telah ditetapkan oleh bank.

Huraikan kelebihan yang diterima oleh pengguna kemudahan tersebut.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There is no handwriting or other markings on the paper.

[4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat kerjaya seorang individu

Farhan merupakan seorang pelajar yang bercita-cita untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

(i) Nyatakan jenis pendapatan yang bakal diterima oleh beliau?

[1 markah]

(ii) Bagaimanakah beliau dapat memastikan cita-cita tersebut dicapai?

[5 markah]



(c) Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Mesin (Unit)	Buruh (Orang)	Jumlah keluaran (TP)	Keluaran Purata (AP)	Keluaran Marginal (MP)
1	0	0	-	-
1	1	20	20	20
1	2	46	23	X
1	3	69	23	23
1	4	84	21	15

(i) Hitung nilai X.

[2 markah]

(ii) Jelaskan jangka masa pengeluaran firma tersebut.

[3 markah]



- (d) Maklumat berikut berkaitan satu projek pembangunan di Malaysia.

**Diskaun Tiket ETS, pas bulanan baharu pemangkin
peralihan rakyat kepada pengangkutan awam.**

PUTRAJAYA : Inisiatif pemberian diskaun 30 peratus bagi pembelian tiket tren elektrik (ETS) dan pengenalan dua pas perjalanan bulanan perkhidmatan Ekspres Rail Link Sdn Bhd (ERL) dilihat berpotensi menjadi pemangkin perubahan pergerakan rakyat. Ini menjadikan pengangkutan awam lebih kompetitif berbanding kenderaan persendirian.

Sumber: diubah suai daripada

<http://www.bharian.com.my>, 16 April 2026

Jelaskan faedah sosial akibat projek tersebut.

[5 markah]



3 (a) Gambar berikut berkaitan dengan cukai yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia.



Gambar 1



Gambar 2

(i) Bezakan cukai pada gambar 1 dan gambar 2.

[4 markah]



- (ii) Bagaimanakah cukai tersebut digunakan untuk mengawal kemelesetan ekonomi?

[3 markah]

- (b) Bagaimana pelaburan langsung asing menggalakkan pemindahan teknologi di Malaysia?

[3 markah]

- (c) Tarif merupakan salah satu sekatan perdagangan antarabangsa.
Huraikan.

[4 markah]



- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika Syarikat (USD).

Unit (USD)	Disember 2025 (RM)	Mei 2026 (RM)
1	4.1150	3.9325

Sumber : <https://www.bnm.gov.my>

- (i) Pada bulan Disember 2025, seorang pengimport Amerika Syarikat telah mengimport barang yang bernilai USD58 000 dari Malaysia dan membuat bayaran pada bulan yang sama. Hitungkan harga barang tersebut dalam Ringgit Malaysia.

[2 markah]



- (ii) Jelaskan implikasi terhadap eksport dan import Malaysia apabila berlaku perubahan kadar pertukaran asing pada bulan Mei 2026.

[4 markah]

Bahagian B**(40 Markah)**

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan fenomena cuaca yang melanda negara

**EL NINO: ANCAMAN TERHADAP SEKURITI MAKANAN
DAN KOS SARA HIDUP**

PUTRAJAYA: Fenomena El Nino yang melanda negara bukan sahaja menjejaskan hasil tanaman padi dan sayur-sayuran, malah turut meningkatkan kos pengeluaran bagi para petani akibat kekurangan sumber air. Kemerosotan penawaran makanan domestik ini memaksa negara meningkatkan import makanan dari luar negara. Keadaan ini akan menyebabkan kenaikan tingkat harga umum yang berterusan, sekali gus memberi tekanan kepada kuasa beli rakyat dan merencatkan pertumbuhan ekonomi negara bagi suku tahun kedua.

(Sumber: Diubah suai daripada Sinar Harian, 3 Mac 2024)

- a) Terangkan sumber ekonomi yang terdapat dalam maklumat tersebut. [4 markah]
- b) Dengan bantuan rajah yang sesuai, jelaskan kesan fenomena tersebut terhadap penawaran beras tempatan. [7 markah]
- c) Fenomena yang berlaku boleh menjejaskan kestabilan ekonomi negara. Kemukakan hujah anda. [9 markah]



- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan satu keputusan kerajaan.

Belanjawan 2024: Peruntukan tertinggi RM393.8 bilion.

Kerajaan memperuntukan RM2000 untuk semua penjawat awam gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak. Pengumuman ini memberi kelegaan kepada penjawat awam di seluruh negara. Bonus ini bertujuan untuk memberi sokongan kepada penjawat awam dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat serta memberi penghargaan terhadap dedikasi mereka dalam menjalankan tugas negara.

Sumber: Diubahsuai daripada Berita Harian Online, 13 Oktober 2023

- a) Keputusan tersebut melibatkan perbelanjaan kerajaan. Terangkan. [4 markah]
- b) Bagaimanakah keputusan tersebut memberi kesan terhadap pasaran barang dan perkhidmatan? [7 markah]
- c) Bantuan tersebut memberi manfaat kepada penjawat awam. Beri pendapat anda. [9 markah]



6

Maklumat berikut berkaitan dengan satu dasar kerajaan.

KUALA LUMPUR: Bermula 15 April lalu, lebih 200 000 penjawat awam di seluruh negara terlibat pelaksanaan BDR.

Pelaksanaan BDR perlu dianggap sebagai satu perkembangan positif ke arah meningkatkan kecekapan dan produktiviti sektor awam.

Antara faktor yang mendorong peningkatan produktiviti ialah persekitaran kerja di rumah perlu kondusif supaya pekerja fokus kepada tugas mereka. Faktor teknologi seperti mengadakan mesyuarat secara dalam talian turut dapat mengurangkan kos perjalanan dan penggunaan kertas.

Sumber : Diubahsuai daripada Bernama, 14 April 2026

- a) Adakah anda bersetuju bahawa pelaksanaan dasar tersebut menguntungkan penjawat awam? [5 markah]
- b) Terangkan faktor yang mempengaruhi produktiviti penjawat awam selain daripada yang dinyatakan dalam maklumat tersebut. [6 markah]
- c) Pelaksanaan dasar kerajaan tersebut membantu mempercepatkan perkembangan ekonomi negara. Bincangkan. [9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan Tahun melawat Malaysia 2026.

Tahun Melawat Malaysia menjadi pembuka tirai kalendar 2026 dengan matlamat mengukuhkan aktiviti pelancongan sebagai antara penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan menetapkan sasaran 47 juta pelawat antarabangsa dengan jangkaan pendapatan pelancongan hampir RM100 bilion.

Kira-kira RM25 juta juga diperuntukkan untuk menaik taraf kemudahan pelancongan. Kerajaan menawarkan pelbagai insentif cukai dengan potongan sehingga RM500,000 untuk ubah suai premis pelancongan, pengecualian cukai 100 peratus kepada syarikat pelancongan dan penganjur acara antarabangsa serta pelepasan cukai individu RM1,000 bagi rakyat yang melancong dalam negara.

Sumber: Diubahsuai daripada sinarharian.com.my, 6 Jan 2026

a) Huraikan sektor ekonomi tersebut. [5 markah]

b) Situasi tersebut memberi kesan positif kepadaimbangan akaun semasa negara. [6 markah]
Jelaskan.

c) Tindakan kerajaan tersebut memberi kesan terhadap ekonomi negara. [9 markah]
Beri alasan anda.

KERTAS SOALAN TAMAT

